



Ruj. Kami : KKM.500-5/2/4 Jld.44 (15)

Tarikh : 17 Januari 2024

**Semua Setiausaha Bahagian**  
**Semua Pengarah Bahagian**  
**Semua Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan**  
**Semua Pengarah Institut Latihan KKM**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF (EDP) TAHUN 2024 DI NATIONAL HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT INSTITUTE (NHI), KOREA SELATAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA GRED 29 - 40 (PROGRAM EDP PELAKSANA), PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL GRED 41 - 44 (PROGRAM EDP JUNIOR) DAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL GRED 48 - 56 (PROGRAM EDP SENIOR)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama National Human Resources Development Institute (NHI) akan menganjurkan Program Pembangunan Eksekutif (EDP) seperti berikut:

- (a) Program EDP (Pelaksana) bagi pegawai Kumpulan Pelaksana Gred 29 - 40;
- (b) Program EDP (Junior) bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 - 44; dan
- (c) Program EDP (Senior) bagi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48 - 56.

3. Sehubungan itu, dimohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan untuk membuat hebahan pelawaan program di atas kepada pegawai-pegawai di **Jabatan/ Bahagian** masing-masing yang berminat dan layak untuk mengikuti program tersebut berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPA seperti di **Lampiran A**.



4. Setiap permohonan hendaklah diisi secara dalam talian (on-line) di laman web rasmi Portal Penajaan Pembangunan Modal Insan, JPA iaitu <http://bmipenajaan.jpa.gov.my>. Tarikh permohonan dalam talian (on-line) adalah mulai **10 Januari hingga 2 Februari 2024**. Maklumat terperinci berhubung tatacara permohonan/ pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran B**. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** dengan disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) Salinan MyKad; dan
- (ii) Salinan Senarai Tugas/ *Job Description* (JD).

5. Setiap permohonan yang lengkap perlu dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk perakuan Jawatankuasa Latihan **sebelum atau pada 31 Januari 2024 (Rabu)** ke alamat berikut :

**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya  
62675 Putrajaya.  
(u/p : Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 2)**

6. Bagi sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai di bawah:

- (i) **Pn. Putri Sherina Aizat binti Abdul Aziz**  
No. Tel : 03-88850713  
Emel : [putrisherina@moh.gov.my](mailto:putrisherina@moh.gov.my)
- (ii) **Pn. Noorfizawati binti Saidin**  
No. Tel : 03-88850692  
Emel : [noorfizawati@moh.gov.my](mailto:noorfizawati@moh.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NAEEM AZMI B/N NIAZ AHMAD)**

Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

☎ 03 – 8885 0621

✉ [naeemazmi@moh.gov.my](mailto:naeemazmi@moh.gov.my)